

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6 BILANGAN 21.

BANDAR BRUNEI, RABU 1 NOVEMBER, 1961. (22 JEMADIL AWAL 1381).

PERCHUMA

PERSIDANGAN MAJLIS MESHUARAT NEGERI:

USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN Mengenai Pilehan Raya Di-Luluskan

BANDAR BRUNEI. — Perubahan tarikh "pilehan raya" sa-bagaimana telah di-umumkan itu bukan-lah senghaja di-lakukan demikian, tetapi sa-benar-nya ia-lah beberapa kesulitan dalam menjalankan tugas2 itu belum selesai, dan pehak kerajaan sentiasa berazam untuk melaksanakan-nya sa-bagaimana kehendak undang2 itu.

Demikian telah di-nyatakan oleh Menteri Besar Brunei Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun dalam ucapan beliau mengemukakan usul-nya yang berbunyi:

"Bahawa menurut cheraian (3) dari bab 85 Perlembagaan Negeri Brunei, 1959, Majlis ini mengambil keputusan dan membenarkan rang Pemasghoran untok pindaan kepada bab 27 (2), 80 (1) dan 82 (5) dari Perlembagaan yang tersebut yang di-bentangkan di-Majlis Meshuarat sa-bagai kertas Majlis No. 2 tahun 1961", yang telah di-luluskan dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri pada 24 October yang lalu.

Menteri Besar berkata: "Dalam usul saya itu ada dua pindaan yang di-buat. Pertama, kerana melanjutkan "pilehan raya" dari masa dua tahun ka-tiga tahun, dan kedua ia-lah kerana Undang2 Keraayatan."

Berkata mengenai pengundoran tarikh "pilehan raya" itu Menteri Besar menegaskan walau pun undang2 perlembagaan menyebutkan bahawa "pilehan raya" akan di-adakan tidak lewat dalam jangka dua tahun, tetapi tidak dapat di-tunaikan.

"Ini, ada-lah kata kita manusia tidak boleh di-tentukan, melainkan janji oleh Tuhan sahaja tentu dan tepat," tegas beliau. Perkara2 dalam Perlembagaan itu bukan sahaja menyebutkan hal Pilehan Raya, tetapi juga meliputi bahagian2 pentadbiran dan pekerjaan2 yang lain.

"Maka perkara2 ini yang menambah sulit-nya melaksanakan "pilehan raya" itu, tambahan pula Undang2 Keraayatan yang di-hadapkan kepada orang ramai itu telah mendapat tegoran dari penduduk2 negeri ini, dengan berbagai2 pandangan dan chadangan.

"Tegoran2 yang membena itu telah di-terima oleh Kerajaan. Kerajaan ada-lah amat susah menjalankan tugas menimbang tegoran2 itu supaya sesuai dengan "Undang2 Pilehan Raya". Yang Berhormat Inche Shah-

buddin bin Md. Salleh yang menyokong pada dasar-nya usul yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri Besar itu, tetapi

mengulas supaya janji2 itu akan di-tepati benar2.

Beliau berkata: "Janji mesti di-tepati, saya harap "pilehan raya" akan dapat di-jalankan sa-bagaimana yang telah di-janjikan itu."

Y. T. M. Duli Pengiran Bendahara Ka-Malaya

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permai Suara Dato Paduka Muda Hashim ibni Almerhom Pengiran Anak Abdul Rahman telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada 21 October yang lalu.

Tujuan keberangkatan Yang Teramat Mulia itu ia-lah sa-bagai wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untok menyebarkan Darjah Kehormatan Negeri Brunei yang tinggi sa-kali kapada Duli2 Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Sultan Kelantan.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara (nombor dua dari kiri) dan tiga orang lagi Wakil2 dari Negeri Brunei kelihatan sedang keluar dari bangunan lapangan terbang Brunei menuju ka-kapal terbang untok berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu sa-bagai mana yang di-beritakan di-muka ini.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah di-iringi oleh Yang Di-hormati Lagi Di-muliakan Pehin Orang Kaya Digadong Haji Mohamed Yusof bin Jawatan Dalam Haji Mohamed Hussein, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Diraja Haji Ali Hussein dan Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Mohamed Taha bin Bakir.

Di-antara ramai orang yang berada di-bangunan lapangan terbang di-sini untok mengucapkan selamat berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu kapada Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara

Laporan Pesidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada 24 Oct. 1961 di-siarkan di-muka lima.

Di-muka delapan, di-siarkan antara-nya jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar terhadap so'alan oleh Yang Berhormat Inche Abdul Manan berhubung dengan perkara Malayisa. — PENGARANG PELITA BRUNEI.

ra dan lain2-nya ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; beberapa orang kerabat di-raja, ahli2 majlis2 meshuarat dan lain2nya.

Menurut jadual yang telah ditetapkan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah menyebarkan Darjah Kerabat Brunei Yang Amat Di-hormati (D.K. — Darjah Pertama) kapada Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan di-Istana Hinggap, Seremban, pada hari Rabu yang lalu.

Pada hari Ahad yang lalu pula Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah menyebarkan Darjah Kerabat Brunei Yang Amat Di-hormati kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan di-Istana Kota Lama.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Diraja Haji Ali Hussein di-jadual berangkat balek ka-Brunei dari Singapura dengan kapal terbang pada pagi ini dan tiba di-lapangan terbang Brunei pada pukul 1.25 petang.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Yang Dihormati Lagi Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong dan Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Mohamed Taha di-jadual berangkat dari Kuala Lumpur ka-Singapura dengan kapal terbang pada hari Ithnin 6 November dan tiba di-Brunei dengan kapal terbang juga pada hari Thalatha 7 November.

PEPEREKSAAN KA-SEKOLAH2 INGGERIS

BANDAR BRUNEI. — Lebih daripada 1,000 orang murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah2 Melayu, China dan Misi dalam Negeri Brunei akan memasuki peperiksaan untuk memilih murid2 yang akan belajar di-darjah2 permulaan Sekolah2 Inggeris Kerajaan pada awal tahun hadapan.

Peperiksaan tersebut akan di-adakan dengan serentak besok, hari Khamis 2 November di-empat buah Sekolah2 Melayu.

Sekolah2 itu ia-lah Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei; Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong; Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan Sekolah Melayu Bangar, Temburong.

Murid2 yang berjaya dalam peperiksaan tersebut akan di-pilih untuk belajar di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di-Bandar Brunei serta juga di-Maktab Anthony Abell, Seria.

PELATEH2 INSPEKTOR

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang telah di-lantik menjadi Pelateh2 Inspektor dalam Pasokan Polis Negeri Brunei baharu2 ini.

Beliau2 itu ia-lah Sarjan Awangku Omar bin Pengiran Apang dari Pasokan Polis Negeri Brunei, Awangku Hamzat bin Pengiran Haji Ismail dan Fung Kiat Kong.

Harga2 Barang2 Dagangan

BANDAR BRUNEI. — Harga2 lada dan buah2 engkabang yang telah di-tetapkan oleh Pengawal Kastam dan Bea, Negeri Brunei mulai dan termasuk 30 Oktober, 1961 ada-lah seperti di-bawah ini.

Lada puteh — \$140.80 sen sa-pikul. Lada hitam — \$112.20 sen sa-pikul dan buah2 engkabang — \$47.09 sen sa-pikul.

Harga getah dari 25 Oktober hingga 31 Oktober, 1961 ia-lah .79 7/8 sen sa-pound.

SIR CHRISTOPHER COX MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sir Christopher Cox, bekas Penasehat Pelajaran kepada Setia Usaha Tanah2 Jajahan di-England dan kini berkhidmat di-Jabatan Kerjasama Teknik Tanah2 Jajahan telah melawat ka-Negeri Brunei pada 21 October yang lalu.

Ini-lah kali yang kedua beliau melawat ka-Negeri Brunei.

Pada hari tersebut beliau telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar Brunei Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un dan dengan Timbangan Setia Usaha Kerajaan Brunei Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.


Sir Christopher Cox telah melawat ka-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Melayu Lela Menchanai di-Bandar Brunei, pada masa lawatan-nya itu.

Beliau juga telah melawat ka-

Maktab Perguruan Melayu Brunei dan ka-Sekolah Melayu Berakas.

Sa-lain daripada melawat ka-Maktab2 dan Sekolah2 tersebut, Sir Christopher Cox telah mengadakan perundingan dengan Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Pegawai2 Kanan Jabatan Pelajaran dan Pengetua2 Maktab2 dalam negeri ini berhubung dengan masaalah pelajaran.

Beliau telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana pada petang hari Ithnin 23 October dan berangkat balek ka-England dengan kapal terbang pada k-esokan hari.



Sir Christopher Cox (nombor 2 dari kanan) kelihatan dalam gambar ini berchakap dengan Inche Mohamed Hussain, Ketua Ndzir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei pada masa Sir Christopher melawat ka-sabuaah bilek darjah Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Nombor dua dari kiri ia-lah Inche Noordin bin Abdul Latif, Penguasa Pelajaran Melayu Negeri Brunei dan di-kira sa-kali ia-lah Chegu Bahrain Edin, sa-orang pensharah Maktab Perguruan Melayu Brunei.

PEPEREKSAAN TRENGKAS MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Satu peperiksaan trengkas Melayu bahagian tingkatan rendah dan menengah di-bawah anjuran Jabatan Pelajaran, Brunei di-jangka akan di-adakan di-sini pada bulan December hadapan.

Chalun2 yang ingin menyertai peperiksaan ini boleh-lah menghantar permohonan kepada

Pengelola Pelajaran Dewasa, di-Pejabat Pelajaran Brunei tidak lewat dari 15 November ini.

Orang ramai yang ingin memasuki peperiksaan tersebut dikenakan bayaran \$10.00 bagi tingkatan rendah dengan kepan-tasan 60, 70, 80 dan 90 perkataan dalam sa-minit dan \$15.00 bagi tingkatan menengah dan tinggi dengan kepan-tasan 100, 110, 120, 130 dan 150 perkataan dalam sa-minit.

Bavaran yang di-sharatkan oleh badan pengelola peperiksaan ini hanya di-kenakan kepada orang2 yang bukan memasuki Kelas Trengkas Kerajaan.

Tarikh dan tempat peperiksaan tersebut akan di-beri tahu kepada chalun2.

KA-HONGKONG



INCHE IDRIS BABJEE

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Inche Idris bin Babjee, Pegawai Pelajaran Negara, Brunei telah balek ka-Brunei dari Hongkong melalui Singapura dengan kapal terbang pada 23 October yang lalu sa-lepas menghadiri Persidangan Pengarah2 Pelajaran Negara2 Komon-wealth, di-Tenggara Asia.

Persidangan itu telah di-adakan di-Hongkong mulai dari 17 hingga 20 October dan di-had-hiri oleh wakil2 dari Brunei, Sarawak, Borneo Utara, Singapura, Persekutuan Tanah Melayu dan Hongkong.

Di-antara berbagai2 perkara yang di-rundingkan dalam persidangan tersebut ia-lah berkenaan dengan pelajaran bangsa2 yang tinggal di-Tenggara Asia.

DAN KA-MALAYA

Tiga hari sa-lepas balek ka-Brunei dari Hongkong Inche Idris Babjee telah sa-kali lagi meninggalkan pantai Brunei dan menuju ka-lain tempat.

Pada kali ini beliau telah berangkat ka-Kuala Lumpur, ibu kota Persekutuan Tanah Melayu dengan menaiki kapal terbang.

Ketika di-temui di-lapangan terbang Brunei di-Berakas sa-belum berangkat ka-Kuala Lumpur, Inche Idris berkata bahawa tujuan lawatan-nya itu ia-lah untuk memilih bakal2 guru yang akan mengajar di-Negeri Brunei.

Beliau menerangkan bahawa sa-ramai 21 orang penuntut2 Sekolah2 Inggeris di-Persekutuan Tanah Melayu yang telah lulus peperiksaan Darjah Sembilan (Senior Cambridge) telah mendaftarkan nama mereka. Di-antara-nya akan di-pilih 15 orang.

Pemohon2 yang berjaya itu akan di-hantarkan ka-England dan berlatih di-Brainsford Lodge; ka-Maktab Bahasa di-Kuala Lumpur dan juga ka-Maktab Perguruan di-Pulau Pinang, atas biasiswa Kerajaan Brunei.

Mereka akan belajar sa-lama tiga tahun di-maktab2 tersebut. Kemudian mereka akan di-tugaskan mengajar di-Sekolah2 di-Negeri Brunei sa-lama lima tahun.

TEMASHA "CAMP FIRE"

SERIA. — Persatuan Pengakap Daerah Belait akan mengadakan satu temasha "Camp fire" di-kawasan Ibu Pejabat persatuan itu di-Seria berhadapan Maktab Anthony Abell, Seria pada pukul 7 malam 4 November akan datang.

Temasha itu akan di-adakan sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun, Persatuan Pengakap Daerah Belait.

Sa-kira-nya hujan menchorah turun pada masa tersebut, temasha itu akan di-adakan di-dewan Maktab Anthony Abell.

WAWANCHARA DGN. PEHIN LAKSAMANA

KAMPONG SUNGAI KEDAYAN. — "Lawatan kami ka-Kuala Lumpur atas jemputan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini tidak-lah kena mengena dengan perkara Malaysia. Bagaimana pun kami telah dapat menyaksikan ahli2 Dewan Rakyat di-sana berdebat fasal Malaysia pada masa lawatan kami ka-Parlimen". Demikian kata Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Setia Haji Mohamed Taha, sa-orang ahli Majlis Meshuarat Negeri Brunei.

Beliau telah melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu sa-lama tujuh hari mulai dari 14 October yang lalu bersama2 dengan empat orang lagi ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei ia-itu: Yang Berhormat Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim, Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Umar, Yang Berhormat Tuan Haji Awang Tengah bin Awang Daud, Yang Berhormat Inche Idris bin Haji Sa'id dan Inspektor Abu Zar bin Abu Bakar dari Pasokan Pulis Negeri Brunei yang menja-di Bentara Dewan, Majlis Meshuarat Negeri Brunei.

Dalam satu wawanchara yang di-adakan di-rumah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana, beliau menegaskan bahawa lawatan ahli2 Majlis Meshuarat tersebut ka-Malaya ada-lah memuaskan hati.

Beliau2 itu telah melawat ka-beberapa tempat yang mustahak

dan menyaksikan berbagai2 perusahaan.

Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri tersebut tidak juga ketinggalan berangkat ka-Port Dickson untuk menyaksikan anggota2 Askar Melayu Brunei berlatih.

Dalam masa lawatan itu beliau2 tersebut telah melawat ka-Rumah Awang Alak Betatar dan mengadap Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei, serta bertemu dengan Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan beberapa orang Pegawai kanan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

DI-NEW DELHI



Wakil2 dari Negeri Brunei yang menghadhiri Persidangan Surohanjaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh di-New Delhi, India sedikit hari dahulu. Dari kiri Y.B. Pg. Ahmad, Inche Sa'ad Marzuki, Y.B. Dato Setia Pg. Haji Mohamed Yusuf dan Doktor J.S. Gould. Berita lanjut mengenai persidangan itu telah di-siarkan dalam PELITA BRUNEI keluaran yang lalu.

SHARAHAN2 UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Jadual lawatan anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei untuk memberi sharahan pada bulan November ini ia-lah seperti berikut:

Hari Jumaat 3 November: Di-Sekolah Melayu Gadong dan Di-Sekolah Melayu Dato Gandhi,

mulai dari pukul 2.30 petang. Hari Jumaat 10 November Di-Mesjid Kampong Telisai mulai dari pukul 11 pagi dan di-Sekolah Melayu Laila Menchanai, Kampong Ayer mulai dari pukul 2.30 petang.

Hari Jumaat 17 November: Di-Mesjid Kampong Lamunin, Tutong mulai dari pukul 11 pagi dan di-Mesjid Kampong Puduk mulai dari pukul 2.30 petang.

Hari Jumaat 24 November: Di-Mesjid Kampong Labi, Ulu Belait dan di-Mesjid Kampong Labu Estate mulai dari pukul 11 pagi.

KERETA TERBALEK

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah kereta pemungghah dari Jabatan Kerja Raya telah terba-lek dengan tiba2 ketika memungghah pasir dari sa-buah kapal pengangkutan Jabatan Kerja Raya pada pagi 23 October yang lalu di-Tambatan Kastam Diraja di-sini. Kejadian itu di-perchayai di-

sebabkan kerosakan alat pemutar-nya.

Tidak ada kemalangan yang berlaku dalam kejadian itu.

Gambar di-bawah menunjokkan kereta tersebut sedang diselamatkan sa-jurus sa-telah berlaku kejadian itu.



PANCHARAGAM PULIS BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pancharagam Pulis Negeri Brunei akan bermain di-beberapa tempat pada bulan ini seperti berikut.

2 November — Di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei mulai pada pukul 4 petang.

6 November — Di-tempat pancharagam, Setia mulai pada pukul 6.30 petang.

12 November — Di-tempat pancharagam, Bandar Brunei mulai pada pukul 7 malam.

16 November — Di-Pekan Tutong mulai pada pukul 5 petang.

20 November — Di-tempat pancharagam, Setia mulai pada pukul 6.30 petang.

26 November — Di-tempat pancharagam, Bandar Brunei mulai pada pukul 7 malam.

30 November — Di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei mulai pada pukul 4 petang.

KA-MEKAH TAHUN 1962

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 142 orang dari Negeri Brunei telah mendaftarkan nama untuk menunaikan fardhu Haji pada tahun hadapan.

Pendaftaran untuk bakal jema'ah2 Haji itu telah di-tutup pada akhir bulan September yang lalu.

MESHUARAT LEMBAGA PENASEHAT HAJI

BERAKAS. — Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin bin Al-merhom Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin, Setia Usaha, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada pagi hari Jumaat yang lalu.

Beliau2 itu telah berangkat kassana ia-lah untuk menghadhiri Meshuarat Lembaga Penasehat Haji.

Meshuarat itu di-mulai pada hari Ithnin 30 October dan di-hadhiri oleh Wakil2 dari Brunei, Sarawak, Borneo Utara, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin di-jadualkan balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada hari Jumaat 3 November.

Seminar Pemuda Pemudi di-Malaya Wakil2 Brunei Mendapat Faedah

BANDAR BRUNEI. — Seminar pemuda pemudi yang telah berlangsung di-Kuala Lumpur pada 9 August yang lalu sangat-lah besar faedah-nya kepada tiap2 pemuda pemudi zaman sekarang, kerana pemuda pemudi itu-lah yang akan menjadi tulang belakang sa-sabuah negara yang ingin maju.

Demikian yang telah di-jelaskan oleh Inche Abu Hanifah, ketua rombongan 7 orang wakil pemuda pemudi Brunei yang telah hadir dalam seminar tersebut yang di-hadiri oleh 46 orang perwakilan dari Malaya, Singapura, Brunei, Sarawak dan Sabah, dalam cheramah beliau di-Dewan Jabatan Penerangan Kuala Belait pada 22 October lepas..

Wakil2 pemuda pemudi Brunei itu telah berangkat dengan kapal terbang ka-Kuala Lumpur pada 7.8.61 dan balek ka-tanah ayer pada 2.9.61.

Sa-lain daripada Inche Abu Hanifah, rombongan pemuda pemudi Brunei itu terdiri dari:

Inche Yunus Abu Bakar, Tutong; Che Naemah binte Md. Yusuf, Bandar Brunei; Ismail bin Apong, Bandar Brunei; Puan Lim Lai Koon, Bandar Brunei; Wan Sha'afie bin S. Husain, Seria dan Md. Daud bin Abd. Ghani, Seria.

Dalam bidang lawatan mereka ka-beberapa tempat yang terkenal di-Malaya dalam masa 25 hari itu mereka telah di-jemput oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di-istana Alam Shah Klang.

Menurut laporan dari Inche Abu Hanifah, mereka telah di-jamu di-istana tersebut, sa-belum itu mereka telah di-bawa oleh sa-orang keluarga Diraja Selangor untuk melihat taman2 dan perhiasan istana yang agong itu.

Mereka telah juga di-bawa ka-sa-buah bilek tempat barang lama dan baru yang bersangkut paut dengan kebudayaan dan sejarah Negeri Selangor.

"Bilek tempat barang tersebut telah di-buka kepada orang ramai untuk melihat-nya dengan di-kenakan tiket 30 sen tiap2 sa-orang, dalam masa sa-puluh hari ini jumlah wang-nya telah terkumpul lebih \$500.00 dan

nanti akan di-dermakan kepada bangunan Mesjid Negara, kata D.Y.M.M. Sultan Selangor."

"Chontoh yang di-buat oleh D.Y.M.M. Sultan Selangor ini elok-lah di-tuladani oleh pemuda pemudi negeri ini supaya menambah kebajikan kepada masyarakat kita" kata Inche Abu Hanifah.

Dalam lawatan ka-Melaka, mereka telah melawat di-beberapa pejabat kerajaan, perusahaan kilang, tempat2 sejarah Melaka, Lembaga Kemajuan Tanah di-Kemendor, Jasin dan lain2 tempat lagi.

Menurut Inche Abu Hanifah, yang menarek hati dalam lawatan ka-Melaka itu ia-lah Perusahaan Kilang Sabut yang kebanyakan pekerja-nya sa-bagai pelatoh yang terdiri dari kaum wanita.

Sa-orang pelatoh wanita dalam kilang itu telah menjelaskan kepada beliau bahawa kaum wanita yang bertugas di-kilang tersebut tidak mempunyai gaji, mereka hanya berlatih dalam masa satu atau dua bulan dan sa-telah mereka boleh membuat pekerjaan yang mereka pelajari itu mereka akan mengusahakan di-kampung pula.

Di-Lembaga Kemajuan Tanah di-Kemendor, Jasin, penduduk2 kampung ini telah di-beri bantuan oleh kerajaan Melaka dalam ranchangan luar bandar.

"Di-Kemendor ini-lah satu2-nya ranchangan kerajaan yang telah berjalan dengan pesat-nya



Wakil2 Pemuda-Pemudi dari Negeri Brunei dan wakil2 serta pemerhati2 dari lain2 negeri yang menghadiri Seminar Pemuda Pemudi di-Persekutuan Tanah Melayu bergambar di-hadapan dewan Maktab Bahasa, Kuala Lumpur sa-lepas di-adakan seminar itu.

dengan melancarkan beberapa perkara mengenai kepentingan penduduk2 kampung tersebut.

"Telephone ada-lah satu2-nya alat yang terpenting pada perhubungan, sebab itu tiap2 kampung di-negeri Melaka telah didirikan rumah telephone untuk orang ramai.

"Ranchangan yang di-buat oleh Kerajaan Melaka ini memang sesuai untuk di-tuladani oleh Brunei pada masa ini", kata Inche Abu Hanifah.

Rombongan yang di-ketuai oleh Inche Abu Hanifah itu telah juga melawat ka-Muar, Johore dengan perhubungan jalan raya dan menaiki ponton menyeberangi Sungai Muar dan Batu Pahat.

Di-sini yang menarek perhatian mereka ia-lah perusahaan Sharikat Melayu yang mengusahakan ponton itu.

Sharikat tersebut ada-lah sa-buah sharikat yang besar dan maju. Sa-lain daripada mengusahakan ponton tersebut sharikat itu juga mendirikan lebih 400 buah kedai dan rumah sewa, diseluruh Negeri Johore.

Dalam lapangan pergerakan masharakat sharikat ini juga telah menderma dengan hitong panjang \$1,000 tiap2 bulan.

Menurut pandangan Inche Abu Hanifah, "pemuda pemudi di-Muar suka bercheramah dengan pelawat2 yang datang dari Borneo, sebab itu terpaksa-lah kami memberi cheramah berhubung dengan alam Borneo dan Sejarah Kalimantan Utara," kata beliau.

"Di-Singapura ia-lah kota yang padat dengan manusia dan kota yang sebok dengan kereta2 besar dan kecil. Pemandu2 kereta di-kota ini sangat patoh pada peratoran, sebab itu jarang terdapat kechelakaan jalan raya. "Ketika hendak membeli tiket wayang gambar terpaksa bersusun2 mengikut giliran masing2 dengan tidak berebut2, ini adalah satu chontoh yang baik untuk di-turuti", kata beliau.

Beliau menyambung: "Kerajaan Singapura telah mendirikan 164 buah Balai Masharakat, balai ini di-serahkan kepada tanggung jawab rayat Singapura untuk mengawasinya.

GURU2 MELAWAT PADANG MINYAK

SERIA.—Beberapa orang guru dari Bandar Brunei akan melawat ka-padang minyak di-Seria pada hari Jumaat 3 November hadapan.

Mereka ada-lah dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei.

Menurut jadual yang telah ditetapkan, guru2 lelaki dan perempuan dari Maktab dan Sekolah Ingeris tersebut akan sampai di-Seria kira2 pada pukul sembilan pagi hari tersebut.

Mereka akan di-sambut oleh Pegawai Perhubungan Raya Sharikat Minyak Brunei Shell di-Pusat Pameran Minyak..

Sa-lepas itu mereka akan di-bawa melihat barang2 yang ada dalam bilek pameran tersebut.

Dari tempat tersebut, guru2

itu akan melawat ka-kumpulan tangki minyak dan ka-Pelantar Pengorekan serta ka-telaga2 minyak..

Apabila selesai makan tengah hari, para pelawat dari Bandar Brunei itu akan menyaksikan tayangkan wayang gambar.

Filem2 yang akan di-tayangkan itu ada-lah bertajok, "Memperkenalkan Minyak" dan "Dunia Perjuangan".

Sa-lain dari itu, guru2 tersebut akan melawat ka-Kilang Pengolah Gas dan ka-Kilang Penapis Ayer.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Ahli2 Jawatan Kuasa Kerja Dewan Perniagaan China di-Bandar Brunei akan melawat ka-padang minyak di-Seria pada hari Jumaat 10 November.



Sa-lain daripada menghadiri Seminar Pemuda Pemudi di-Persekutuan Tanah Melayu, wakil2 dari Brunei juga telah melawat ka-Perkhemahan Semangat di-Negeri Selangor. Dalam gambar ini kelihatan beberapa orang Wakil tersebut dan juga pengakap2 dari Negeri2 Brunei dan Sarawak di-perkhemahan itu.

LAPORAN PERSIDANGAN MAJLIS MESHUARAT NEGERI BRUNEI



Y.B. Dato Setia Pengiran Ali

Sa-buah dari pada usul2 yang tidak lulus itu ia-lah mengenai rancangan membangunkan Rumah Sakit yang baharu, yang di-bawa oleh Yang Berhormat Haji Ghazali bin Omar.

Usul itu berbunyi:

"Majlis Mashuarat ini meluluskan supaya rancangan Kerajaan akan membangun Rumah Sakit baharu di-Bandar Brunei di-lekaskan."

Memberikan pendapat2-nya mengemukakan usul itu Haji Ghazali berkata:

"Memandang kemajuan negeri kita dan keramaian penduduk2-nya mengikut banchi pada tahun lepas lebeh kurang 85,000 jiwa maka sudah tentu Rumah Sakit yang ada ini tidak mencukupi besar dan luas-nya untuk menyesuaikan keadaan dalam segi perkembangan negeri."

"Memperbesarkan Rumah Sakit bukan-lah hanya bererti untuk menempatkan orang2 sakit sa-chara istimewa sahaja, tetapi tujuan besar-nya supaya penduduk2 negeri ini mendapat rawatan yang sa-chukup-nya untuk menjaga kesehatan dan keselamatan."

"Rumah Sakit yang ada pada masa ini saya anggap ada-lah sangat kecil — tidak menasabah dengan bilangan penduduk negeri ini. Kita dapat saksikan berapa orang-kah sahaja yang boleh ditempatkan dalam Ward Kelas Satu; yang saya ketahui hanya 8 orang sahaja ia-itu 4 orang lelaki dan 4 orang perempuan."

Haji Ghazali membayangkan bahawa jika sa-kira-nya Negeri Brunei di-serang penyakit merbahaya yang wabak dengan denggan serta merta, di-mana-kah orang2 sakit itu di-tempatkan."

Beliau menambah bahawa banyak orang kampung datang ka-Rumah Sakit yang ada sekarang ini tidak dapat di-layani dengan sa-wajar-nya kerana ketiadaan bilek2 untuk menempatkan orang2 itu.

Akhir-nya Haji Ghazali menegaskan:

"Pada pendapat saya bila Brunei mempunyai Rumah Sakit yang lebeh besar dari yang ada pada masa ini maka pegawai2 yang berkelayakan, layanan2 ka-pada orang ramai akan bertambah dan baik. Bagitu juga anak2 negeri ini tidak kurang ikut sa-

Lima usul yang telah di-bahatkan dalam Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang pada 24 October lepas di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei, hanya satu usul sahaja yang di-luluskan.

Empat usul yang tiada lulus itu ia-lah mengenai rancangan membangunkan Rumah Sakit yang baharu, rancangan menggalakkan persawahan padi pada penduduk2 Negeri Brunei, chadangan mengadakan Pesuruh Jaya Brunei di-United Kingdom dan chadangan menchari sa-orang pakar dalam perkara lumbong minyak.

Sa-telah di-bahatkan dengan ranchak keempat2 usul itu, keputusan-nya telah gugor dan tidak di-terima oleh majlis.

Pada keseluruhan-nya usul2 itu tidak lulus dan tidak diterima kerana isi2-nya telah ada dalam rancangan Kerajaan, sa-tengah-nya melanggar "perlembagaan Negeri Brunei", dan ada yang bukan berupa usul tetapi pertanyaan.

ma2 berkhidmat sa-bagai kaki tangan Jabatan Perubatan kelak."

Menyokong usul Haji Ghazali itu, Yang Berhormat Pengiran Jadid bin Pengiran Nasaruddin berkata bahawa Rumah Sakit ada-lah sangat mustahak di-adakan dengan sa-berapa segera.

"Kesehatan ada-lah sangat penting untuk tanggung jawab Kerajaan", tegas beliau.

Sa-takat itu Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un bangun membantah usul tersebut supaya di-tolak oleh majlis, kerana usul itu bukan salailah-nya di-binchangkan di-majlis itu.

"Bukan sa-layak-nya usul itu di-binchangkan di-majlis ini melainkan dalam majlis Kerajaan. Tambahan pula usul itu telah ada dalam rancangan kemajuan yang telah di-buat."

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Bakar menyokong hujjah2 Dato Setia Marsal itu.

Yang Berhormat Pehin Laksmadana Dato Setia Haji Md. Taha dan Yang Berhormat Inche' Shahabuddin bin Salleh telah menyokong usul itu supaya diterima oleh majlis dengan menerangkan bahawa usul itu ada-lah membena untuk kemajuan.

Dato Setia Haji Md. Taha telah membidas langkah2 Kerajaan yang pada pendapat-nya bahawa Kerajaan mendahulukan rancangan2 rumah yang tidak mustahak daripada Rumah Sakit yang akan di-bangunkan itu.

Kata-nya: "Rumah Sakit lebeh mustahak daripada Istana Tetamu. Sebab itu bangunan-nya patut di-segerakan."

(Yang Berhormat Dato Setia Haji Md. Taha telah di-tegor oleh Speaker, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Md. Ali, kerana melanggar tatatertib — membabit hal2 yang di-luar perbahathan.)

Dato Setia Haji Md. Taha minta maaf dan menarek balek hujjah2-nya itu.

Dalam perbahathan yang agak hangat itu, Yang Berhor-

mat Dato Abd. Aziz telah bangun menerangkan sebab2 usul itu tidak dapat di-terima oleh majlis.

Beliau berkata: "Kalau di-kaji benar2 usul itu tentu-lah di-luar kewajipan majlis ini, sebab itu patut di-tolak. Tetapi sa-kira-nya membawa usul itu meminda boleh di-terima oleh majlis untuk di-bahatkan pada masa hadapan."

Sa-bagai penyokong hujjah2 dari Menteri Besar dan Peguam Negara itu, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Md. Yusuf berkata:

"Tuduhan2 yang di-keluarkan oleh Ahli2 Yang Berhormat yang menyokong usul itu, ada-lah tidak benar. Rancangan2 Kerajaan ada-lah berjalan dengan lancar, tetapi berjalan dari satu demi satu menurut peratoran dan giliran-nya."

Yang Berhormat Inche' Idris bin Haji Md. Said telah bangun sa-bagai peyokong usul itu supaya dapat diterima dan di-luluskan oleh majlis.

Beliau menegaskan betapa mustahak-nya Rumah Sakit pada masa ini dan membidas Kerajaan melalaikan rancangan2-nya.

Sa-bagai penyokong supaya usul itu di-tolak, Yang Berhormat Haji Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Omar bangun dan berkata:

"Memang ada baik-nya kalau Rumah Sakit itu segera di-bangunkan. Ini, memang tidak dapat di-sangkal, tetapi rancangan itu memang ada dalam rancangan Kerajaan sa-bagai-mana telah di-terangkan oleh Menteri Besar itu."

Pembanggang yang terakhir pada usul tersebut, Yang Berhormat Inche' Md. Hashim bin Tahir menegaskan bahawa segala rancangan mesti-lah di-buat dengan teliti kerana perkara ini sedang dalam urusan dan perlaksanaan-nya.

"Yang sulit dan sangat susah sekarang ia-lah menchari tempat kedudukan Rumah Sakit yang akan di-bangunkan itu," kata-nya.



Y.B. Dato Setia Marsal

Akhir-nya usul itu di-undi dan di-dapati undi yang terbanyak di-menangi oleh pihak yang mententang usul itu.

Lain2 usul yang gugor dan di-tolak oleh majlis ia-lah:

◆ Oleh Yang Berhormat Inche' Shahabuddin bin Salleh:

"Majlis Meshuarat ini meluluskan supaya Kerajaan Brunei melantek Pesuruh Jaya Brunei di-United Kingdom untuk menjadi wakil kapada anak Negeri Brunei ini."

◆ Oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Dato Setia Haji Awang Md. Noor:

"Majlis ini meluluskan supaya Kerajaan dari sekarang menggalakkan tanaman bersawah padi dalam negeri Brunei ini ka-pada anak2 Negeri Brunei dan kapada orang2 luar negeri yang mempunyai kebolehan2 dan pengalamatan2 besawah padi dengan sharat orang2 itu hendak-lah mengikut peratoran2 Negeri Brunei ini supaya penghasilan2 padi dalam Negeri Brunei ini berlebehan2."

◆ Oleh Yang Berhormat Pengiran Besar bin Pengiran Sabtu:

"Majlis Meshuarat ini berseutu menchari sa-orang yang bijak dalam perkara lumbong minyak. Betul-kah minyak di-Jerudong itu memadai boleh di-keluarkan? Atau apa-kah sebab-nya hasil minyak Seria meningkat turun."

Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang pada hari itu telah meluluskan Rang Undang2 Askar Melayu Brunei, 1961 dan Rang Undang2 Perbekalan Tambahan (1961), 1961, sa-lain memben-tangkan untuk "bachaan pertama" rang undang2:

◆ Pendaftaran Jururawat, 1961.

◆ Perlabohan, 1961.

◆ Kesatuan Sekerja, 1961 dan

◆ Pertikaian2 Kerja, 1961.

Persidangan itu juga telah menimbang tiga Kertas majlis:

◆ Anggaran Belanjawan dari Perbelanjaan Tambahan Yang Pertama, 1961.

◆ Pemashhoran (Pindaan) dari Perlembagaan, 1961 dan

◆ Kenyataan Tahunan Brunei Post Office Saving Bank.

CHARA MENANAM POKOK BUAH2AN

Chantum ia-lah meletakkan satu mata tunas daripada satu pokok yang lain yang di-fikirkan baik kepada satu pokok penanti (semaian) dan membiarkan tunas itu hidup pada pokok penanti itu.

Tot (lakom) ia-lah dahan atau ranting daripada satu pokok yang lain kemudian dibungkus dengan sabut kelapa atau guni berisi tanah tujuannya supaya tempat yang dibungkus itu mengeluarkan akar.

Sa-bahagian daripada orang2 yang mengusahakan tanaman buah2an selalu berlumba2 bertanam pokok chantum dan tot, pada hal di-tanam dengan biji dengan tidak di-chantum atau di-tot pun hidup dan mendapat buah juga.

Sa-benar-nya perkara ini, petani2 di-negeri ini, ada juga yang belum mengetahui lebeh jelas sebab2 dan kebaikan menanam pokok chantum dan tot itu. Untuk mengetahuinya maka di-sini di-terangkan sebab2 yang sa-benar-nya ia-lah:

- ◆ Supaya mengikut baka asli,
- ◆ Cepat mengeluarkan buah,
- ◆ Pokok-nya rindang dan dahan-nya luas,
- ◆ Sedap rasa-nya dan lebeh hasil-nya,
- ◆ Senang menjaga daripada musuh2 dan penyakit2 sebab pokok-nya rendah, dan
- ◆ Pokok-nya berbentuk chantek.

Keburokan yang di-dapati jika pokok itu di-tanam daripada biji dengan tidak di-chantum ia-lah :

- ◆ Tidak mengikut baka asli, kadang2 tidak berbuah,
- ◆ Pokok-nya tinggi dan tidak rindang,
- ◆ Jika berbuah tetapi hanya kechil, masam dan hasilnya tidak memuaskan,
- ◆ Susah menjaga daripada musuh2 dan penyakit sebab pokok-nya tinggi, dan
- ◆ Pokok-nya tidak berbentuk chantek.

Bertanam pokok2 chantum dan tot yang terpilih itu amatlah menguntungkan si-penanam-nya. Umpama-nya pokok rambutan chantum apabila berumur dua atau tiga tahun ia mulai berbuah dan sa-telah pokok itu berumur lima atau sa-puluh tahun hasil-nya mungkin di-dapati \$30.00 hingga \$100.00 pada sa-pokok dalam masa sa-tahun.

Untuk mendapatkan hasil yang baik dan pokok2 tersebut sentiasa subur, maka mustahaklah mengkaji peratoran yang harus di-usaha-kan. Kerana

Kali ini kita siarkan sa-buah renchana mengenai chara2 bertanam buah2an yang mengikut peratoran2 yang tertentu.

Renchana ini di-tulis oleh Inche Talib bin Meramit, dari Jabatan Pertanian, Brunei.

Tulisan beliau itu ada-lah saperti berikut :

pokok2 itu sama-lah juga saperti kehidupan manusia, dengan berkehendakkan makanan dan jagaan yang chukup baharu-lah pokok2 tersebut subur dengan sempurna.

Keadaan tanah di-negeri ini boleh di-katakan sesuai juga untuk di-tanami pokok buah2an, kechuali tanah2 yang banyak pasir dan di-bukit2 yang tinggi dan berbatu.

◆ Mangga, jarak-nya 20' x 20' atau 30' x 30',

◆ Durian, 30' x 30' atau 40' x 40', dan

◆ Limau manis dan limau besar, jarak-nya 15' x 15' atau 20' x 20'.

Apabila hendak menanam pokok buah2an maka chara melobang perlu di-fahamkan terlebih dahulu sa-belum pokok2 itu di-tanam.



Sa-belum meletakkan mata tunas chantuman itu kepada pokok penanti terlebih dahulu di-kopakkan kulit-nya saperti di-lihatkan dalam gambar di-atas.

Tanah yang sesuai untuk bertanam buah2an ia-lah tanah "Clay loam" ia-itu tanah liat yang kaya dengan baja atau tanah yang selalu di-banjiri oleh ayer bah, lebeh sesuai jika tanah itu berbukit tetapi tidak tinggi.

Jarak menanam pokok buah2an itu mustahak-lah di-ketahui kerana dengan menentukan jarak yang betul itu ada-lah satu daripada chara menambahkan penghasilan. Jarak2 yang sudah di-tetapkan dan difikirkan baik ia-lah saperti:

- ◆ Rambutan dan Pulasan jarak-nya 25' x 25' atau 30' x 30',

Chara membuat-nya ia-lah :

- ◆ Gali lobang empat persegi, sukatan-nya ia-lah 3' x 3' x 2' pada tanah yang di-fikirkan kurang subur dan pada tanah yang di-fikirkan subur hendak-lah dengan sukatan 2' x 2' x 1½',

- ◆ Tanah yang di-gali di-sabelah atas hendak-lah di-asingkan dan tanah sabelah bawah juga hendak-lah di-asingkan, dan

- ◆ Biarkan lobang itu terdedah begitu sahaja sa-kurang2-nya sa-lama dua minggu supaya kuman2 di-dalam tanah itu mati

dan tanah tersebut senang pechah.

Sa-lepas 14 hari lobang itu digali, boleh-lah di-timbus samula. Tanah atas tadi simpan di-sa-belah bawah dan tanah bawah simpan di-sabelah atas.

Yang sa-baik2-nya sampah2 yang sudah burok atau tahi2 lembu, Kerbau, kambing atau ayam yang sudah lama, di-champorkan dengan tanah itu sa-waktu menimbus lobang tersebut kira2 dua pongkis sa-lobang.

Sa-lepas tujuh hari atau lebeh apabila hendak bertanam hendak-lah :

- ◆ Gali lobang itu semula kira2 10 atau 12 inchi dalam-nya dan pechah2kan tanah itu hingga gembor,

- ◆ Tanamkan pokok itu dalam lobang tersebut, kemudian timbus semula dan tekankan dengan kaki di-keliling pangkal pokok itu supaya tidak tergantung akar-nya,

- ◆ Timbunan lobang yang sudah di-tanami pokok itu biar-lah tinggi sedikit daripada tanah rata kira2 dua atau tiga inchi. Tunas (suli) chantuman jangan-lah di-timbus dengan tanah,

- ◆ Tutupkan dengan sampah2 atau rumput kering di-keliling pangkal pokok itu,

- ◆ Sa-lepas itu buat-lah lindongan dengan daun kelapa atau lain2 daun supaya pokok itu tidak mati terkena panas mata hari,

- ◆ Siram dengan ayer tiap2 pagi dan petang kechuali hujan, dan

- ◆ Jika pokok itu sudah pulih kira2 dua atau enam minggu, buang-lah daun pelindung itu beransor2 sa-hingga habis

Apabila pokok2 itu sudah di-tanam, maka harus-lah di-jaga dengan sa-chukup-nya saperti :

- ◆ Membersehhkan di-keliling pangkal pokok itu serta menggemborkan tanah-nya hendak-lah di-lakukan sa-kurang2-nya satu atau dua bulan sa-kali,

- ◆ Musoh2 dan penyakit mesti-lah dijagai, jika ada hendak-lah di-rachun dengan D.D.T. atau Agrocide, Malathion dan lain2 rachun yang boleh memusnahkan penyakit atau musuh2 itu, dan

- ◆ Mana2 dahan atau ranting yang mati atau suli yang tidak di-kehendaki hendak-lah di-buangkan.

(Bersambung)

PERLUMBAAN BASIKAL:

JOSEPH CHIN MENANG LUMBA 10 BATU

SERIA. — Joseph Chin, penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah berjaya memenangi perlumbaan basikal sa-jauh sepuluh batu dengan mengambil masa 28 minit 30 sa'at.

Perlumbaan itu telah di-langsungkan di-kawasan sukan di-sini di-bawah anjoran Klab Pemuda Seria pada petang hari Ahad yang lalu dan di-saksikan oleh kira2 2,000 orang para penuntun.

Gelaran naib johan dalam perlumbaan itu telah di-menangi oleh Abdullah Mustapha dari Radio Brunei.

Apong Laman dari Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei telah memenangi gelaran yang ketiga.

PEGAWAI2 BAHARU P.B.S.B.B.

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Muhammad bin Pengiran Piut telah di-lantek sa-kali lagi sa-bagai Pengurus, Persatuan Bola Sepak Bandar Brunei.

Lantekan itu telah di-persetujui dengan sa-bulat suara dalam Meshuarat Agong Persatuan Bola Sepak Bandar Brunei yang telah di-langsungkan di-Bilek Persidangan, Dewan Kemasyarakatan di-sini pada petang hari Rabu yang lalu.

Lain2 Pegawai persatuan itu yang telah di-lantek dalam meshuarat agong tersebut ia-lah :

Naib Pengurus, — Inspektor Mustapha ; Setia Usaha Yang Kehormat — Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid dan Penyimpan Wang Yang Kehormat — Inspektor Abu Zar bin Abu Bakar.

Di-antara perkara2 yang telah di-persetujui dalam meshuarat tersebut ia-lah persatuan itu akan mengadakan dua bahagian pertandingan bola sepak ia-itu satu bahagian terbuka kepada persatuan2 di-Bandar Brunei dan lagi satu bahagian terbuka kepada Pejabat2 Kerajaan serta Sharikat2 Perniagaan di-Bandar Brunei.

Menurut keterangan Setia Usaha Yang Kehormat persatuan itu, pertandingan2 tersebut akan di-mulai dalam bulan November ini.

Enam daripada delapan orang yang telah mendaftarkan nama mereka telah mengambil bahagian dalam perlumbaan 10 batu itu, ia-itu 40 kali keliling kawasan sukan tersebut.

Hadiah khas untuk pelumba yang kalah yang terbaik sa-kali telah di-berikan kepada Chua Chin Ming dari Bandar Brunei.

LUMBA 7½ BATU

Yew Chin Hong dari Seria telah menjadi johan dalam perlumbaan sa-jauh 7½ batu ia-itu 30 kali keliling kawasan sukan tersebut dengan mengambil masa 22 minit 47 sa'at.

Chin Sin Ming dari Jalan Muara, Brunei telah menjadi naib johan dan J. Henry Chee dari Sekolah Saint Margaret, Seria telah memenangi giliran yang ketiga.

Semua-nya 12 orang yang telah di-pilih dalam perlumbaan pemilihan pada 22 October yang lalu telah mengambil bahagian dalam perlumbaan sa-jauh 7½ batu itu. Di-antara-nya 9 orang pemandu2 basikal telah dapat mengelilingi kawasan tersebut sebanyak 30 kali pusingan.

BAHAGIAN WANITA

Tujuh belas daripada 19 orang wanita2 yang telah mendaftarkan nama telah mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal sa-jauh 2½ batu ia-itu 10 kali keliling kawasan sukan itu. Darpada bilangan itu 13 orang wanita telah dapat mengelilingi kawasan tersebut.

Liew Yik Lan dari Seria telah menjadi johan dengan mengambil masa 9 minit 37 sa'at.

Rose Chin Ngit San dari Se-

kolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei telah menjadi naib johan.

Zene Abdul Kadir dari Seria telah mendapat gelaran yang ketiga.

Inche Abidin bin Abdul Rashid, Penolong Pegawai Daerah, Belait yang juga menjadi Penang temasha perlumbaan itu telah mengishtiharkan pembukaan rasmi perlumbaan tersebut.

Hadiah2 kepada pelumba2 yang berjaya telah di-sampaikan oleh Inche Abdul Ghani bin Hassan, Pemangku Pegawai Daerah, Belait.

PIALA BORNEO

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan bola sepak sa-paroh akhir untuk merebutkan Piala Borneo di-antara Brunei dan Sarawak di-Kuching pada petang hari Sabtu yang lalu telah tidak dapat di-adakan.

Perkara tersebut ia-lah kerana pasokan Negeri Brunei telah tidak dapat berangkat ka-Kuching oleh kerana sesuatu sebab yang telah tidak dapat di-elakkan. Demikian menurut satu puncha yang rasmi.

KELAB MELAYU SHELL BERJAYA LAGI

SERIA. — Klab Melayu Shell telah berhasil memenangi Piala Perak Wernham pada tahun yang ke-dua berturut2 sa-telah persatuan itu mengalahkan Brunei Sports Club dengan 4 gol tidak berbalas.

Pertandingan tersebut telah di-adakan di-padang Shell Recreation Club baharu2 ini dan di-saksikan oleh ramai peminat2 permainan hokey dari Seria, Kuala Belait, Bandar Brunei dan juga dari Tutong.

Dengan kemenangan-nya itu, Klab Melayu Shell kini sudah

Persatuan Pemuda Pemudi Belait

KUALA BELAIT. — Satu meshuarat untuk menubuhkan dengan rasmi-nya Persatuan Pemuda Pemudi Kuala Belait akan di-adakan sedikit hari lagi.

Sementara itu sa-buah badan Jawatan Kuasa Penaja persatuan itu telah di-tubuhkan baharu ini.

Jawatan Kuasa Sementara, Persatuan Pemuda Pemudi Kuala Belait itu ada-lah saperti di-bawah ini.

Pengurus, Abang Abu Hanifah. Setia Usaha, Inche Mohamed Kassim Suhaimi. Penolong Setia Usaha, Inche Jumat Salleh. Ahli2 Jawatan Kuasa, Pengiran Mohamed, Inche Haris Bungsu, Inche Arbi bin Ahmed, Inche Bichu Ariff, Inche Hassan Jahfar, Inche Hamid Taha, Inche Jailani Mohamed Noor, Inche Deli Metussin dan Inche Apong.

BOLA SEPAK DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT. — Klab Melayu Shell akan bertemu dengan Sekolah Pertukangan dalam pertandingan bola sepak Daerah Belait bahagian pertama di-padang S.R.C. pada petang 3 November.

Pada petang esok Klab Melayu Shell akan melawan Kuala Belait Recreation Club di-padang S.R.C., dan Polis akan bertemu dengan Jabatan Kerja Raya di-padang Lorong 14 dalam pertandingan bola sepak Daerah Belait bahagian ke-dua.

pun menyandang tiga gelaran pertandingan hokey. Dua lagi gelaran2 itu ia-lah johan pertandingan hokey untuk merebutkan Piala Perak Roberts di-antara Persatuan2 Sharikat Minyak Shell di-Seria dan Miri, serta juga johan pertandingan hokey Daerah Belait.

Dalam masa pertengahan yang pertama Klab Melayu Shell telah mendapat tiga gol. Dua gol di-jaringkan oleh Hussain Ahmad dari barisan penyerang dan satu gol lagi oleh Nazari, sayap kiri pasokan itu.

Gol ke-empat untuk Klab Melayu Shell di-jaringkan oleh Hussain Ahmad.

Inche R.G. Clark dan Inche Inder Singh telah mengadakan pertandingan tersebut.

Piala Perak Wernham itu telah di-sampaikan oleh Inche Abdul Ghani bin Hassan, Pemangku Pegawai Daerah Belait kepada Inche Othman bin Dolah, Ketua Pasokan K.M.S.



Pasokan Persatuan Bekas Penuntut2 Maktab S.O.A.S. dan pasokan Panage-S.R.C. bergambar ramai sa-belum di-langsungkan perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan di-padang S.R.C. baharu2 ini, yang berkesudahan seri satu-satu.

ASKAR2 MELAYU BRUNEI BALEK 7 NOV.

BANDAR BRUNEI. — Lima puluh sembilan orang anggota2 Askar Melayu Brunei yang telah tamat latihan mereka di-Port Dickson, Persekutuan Tanah Melayu akan balek ka-Brunei pada hari Thalatha 7 November akan datang.

Mereka akan tiba di-lapangan terbang Berakas, Brunei dengan sa-buah kapal terbang khas kepunyaan Tentera Udara Diraja Inggeris pada hari tersebut.

Dua orang Pegawai2 dari Tentera Diraja Persekutuan Tanah Melayu, ia-itu Kapitan Syed Al-wee dan Major Ismail bin Babu serta 28 orang ahli2 Pancharagam Tentera Diraja Persekutuan Tanah Melayu akan juga tiba bersama2 dengan perajurit2 tersebut.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali

Saifuddin akan memereksa Barisan Kehormatan Diraja di-padang Bandar Brunei pada hari Khamis 9 November.

Askar Melayu Brunei yang baharu itu akan mengadakan pertunjukan berbaris di-padang2 Kuala Belait pada 26 November dan di-Tutong pada 28 November.

Mereka akan berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 30 November untuk berkhidmat dengan tentera2 di-sana selama enam bulan sa-belum balek ka-Tanah Ayer.

TEMASHA2 MEMBANTU MANGSA2 KEBAKARAN

BANDAR BRUNEI. — Dua temasha telah di-adakan dalam Negeri Brunei semenjak empat hari yang lalu untuk mengutip derma bagi membantu mangsa2 kebakaran di-Bandar Brunei pada 21 September yang lalu.

Pakatan Bumi Putera Brunei telah mempersembahkan sa-buah sandiwara bertajok, "Pudar-nya Sa-buah Empire" di-panggong Boon Pang Baharu di-Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 28 October.

Inche Ibrahim Ali, pengarah sandiwara dan pentas temasha sandiwara tersebut telah memberikan "Sa-kapor Sireh" sa-belum lakonan sandiwara itu di-mulai.

Pancharagam Dendang Irama di-bawah pimpinan Awang Besar Sagap telah bermain di-temasha itu. Beberapa orang penyanyi dan ahli2 lawak-jenaka tempatan telah menyumbangkan tenaga mereka di-temasha itu.

Sa-lain daripada itu tarian2 berchorak kebudayaan Melayu telah di-persembahkan oleh pemuda2 dan pemudi2 tempatan dan tarian2 berchorak kebudayaan barat di-persembahkan oleh ahli2 Grace Arts Society, Seria.

Pada malam Ithnin yang lalu pula, Persatuan Pemuda Pemudi Kuala Belait telah mempersembahkan Malam Gembira bertempat di-dewan Jabatan Penerangan, Kuala Belait.

Inche Mohamed Kassim Suhaimi, salaku Setia Usaha Sementara, Persatuan Pemuda Pemudi, Kuala Belait telah membuka temasha itu dengan rasminya.

Nyanyian2 sukaramai telah di-persembahkan oleh beberapa orang pemuda dan pemudi tempatan yang terkenal.

Dua orang "Raja2 Kelakar" di-Daerah Belait, ia-itu Pengiran Abdullah dan Awang Limpong telah juga tidak ketinggalan menggelikan hati para penonton dengan lawak-jenaka mereka yang istimewa.

Hiasan musik telah di-selenggarakan oleh Rangkaian Melati Orkest di-bawah pimpinan Haris Bongsu.

Jadual keberangkatan anggota2 Askar Melayu Brunei ka-negeri ini ada-lah seperti di-bawah ini.

7 November — Tiba di-lapangan terbang Brunei dari Kuala Lumpur dengan kapal terbang Tentera Udara Diraja Inggeris.

9 November — Barisan Diraja di-padang besar Bandar Brunei.

10 November — Anggota2 Askar Melayu Brunei bersembahyang Juma'at di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

11 November hingga 25 November — Anggota2 Askar Melayu Brunei itu di-beri kelepaan untuk tinggal bersama2 ibu bapa dan keluarga masing2.

26 November — Pertunjukan Berbaris di-padang Kuala Belait.

28 November — Pertunjukan Berbaris di-Pekan Tutong.

30 November — Berangkat dari Brunei ka-Persekutuan Tanah Melayu.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Lieutenant Colonel Tengku Ahmad bin Tengku Besar Burhanuddin, Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei, Major Chote dan Major Villiers akan tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Persekutuan Tanah Melayu pada hari Ahad 5 November.

MALAYSIA:

JAWAPAN MENTERI BESAR

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun telah menyatakan di-Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang pada 24 October lepas bahawa Kerajaan belum sa-chara rasmi membicarakan rancangan Malaysia dengan sa-barang negara2 yang bersangkutan.

Dato Setia Marsal berkata demikian ketika menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Inche Abd. Manan bin Muhammad yang menegaskan bahawa sama ada Kerajaan telah di-ajak berunding sa-chara rasmi tentang rancangan Malaysia oleh Malaya, Singapura dan daerah2 Borneo yang lain.

Inche Abd. Manan telah membayangkan kebimbangan-nya dalam pertanyaan-nya itu, bahawa keamanan negeri akan terancam sa-kira-nya ada champor tangan dari negara2 lain terhadap urusan politik Negeri Brunei.

Beliau juga bertanya sama ada Brunei merasa puas hati dengan tinggal diam sahaja dan membiarkan negara2 lain mencham-pori hal ehwal di-dalam Negeri Brunei.

WAYANG GAMBAR JABATAN PENERANGAN

BANDAR BRUNEI. — Tarikh2 dan tempat2 pertunjukan wayang gambar Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei di-Daerah2 Brunei, Muara, Tutong, Temburong, Belait dan Seria pada bulan ini ada-lah seperti berikut:

1 November — Kawasan Penjara Jerudong.

2 November — Kampong Pandai Besi, Kampong Ayer, Brunei dan Klab Melayu Shell, Seria.

4 November — Kampong Sumbiling, Brunei dan kawasan perumahan batu empat, Belait.

6 November — Sekolah Melayu Penanjong Tutong.

7 November — Sekolah Melayu Keriam, Tutong dan di-Rumah Sakit Kerajaan, Kuala Belait.

8 November — Sekolah Melayu Sinaut, Tutong.

9 November — Sekolah Melayu Lamunin, Tutong.

11 November — Pusat Pertanian Lumapas dan Kampong Telisai, Tutong.

13 November — Kampong Sungai Lumut, Daerah Belait; Sekolah Melayu Muara dan Sekolah Melayu Amo, Temburong.

14 November — Sekolah Melayu Serasa dan Sekolah Melayu Biang, Temburong.

15 November — Sekolah Melayu Sungai Hanching, Sekolah Melayu Bangar, Temburong dan

di-Rumah Orang Tua, Seria.

16 November — Kampong Pulaie, Berakas dan Sekolah Melayu Batu Apoi, Temburong.

18 November — Kampong Si-Raja Muda, Kampong Ayer, Brunei dan Padang Kechil, Kuala Belait.

20 November — Sekolah Melayu Bunut, Brunei.

21 November — Sekolah Melayu Kilanas, Brunei dan Sungai Liang, Belait.

22 November — Sekolah Melayu Kati Mahar, Jalan Tutong.

23 November — Sekolah Melayu Bengkurong, Brunei dan Kampong Kuala Balai, Ulu Belait.

25 November — Sekolah Melayu Gadong, Brunei dan di-kawasan Kilang Panapis Ayer, Badas, Seria.

27 November — Sekolah Melayu Piasau2, Temburong.

28 November — Sekolah Melayu Labu Estate, Temburong dan Kampong Danau, Tutong.

29 November — Sekolah Melayu Batu Marang, Brunei.

30 November — Sekolah Melayu Sungai Besar, Brunei.